

KAD KREDIT PERNIAGAAN

Helaian Maklumat Produk

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat utama mengenai Kad Kredit Alliance Bank anda. Sila baca PDS ini sebelum anda menghantar permohonan untuk Kad Kredit Perniagaan Alliance Bank.

**ALLIANCE BANK**

Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)

ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD

TARIKH: Dikemaskini 2026 January

1. Apakah Kad Kredit Perniagaan Alliance Bank?

- Kad Kredit Perniagaan ialah kemudahan kad kredit dengan saluran kredit yang diberikan oleh Bank kepada anda sebagai modal kerja dan alat pembayaran yang mudah.
- Sebarang jumlah yang dikenakan melalui kad kredit dan tidak dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh tamat tempoh akan tertakluk kepada caj kewangan.
- Terdapat 3 jenis kad yang tersedia: Kad Kredit Perniagaan Mastercard Platinum, Kad Kredit Perniagaan Visa Platinum, dan Kad Kredit Perniagaan Visa Infinite.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk membaca terma utama ini bagi memahami tanggungjawab anda:

- Pemegang kad perlu membuka Akaun Semasa Perniagaan setelah menerima kelulusan kad.
- Bayaran balik minimum bulanan untuk baki tertunggak (termasuk Pendahuluan Tunai): 5% daripada baki tertunggak atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi.
- Bayaran balik ansuran bulanan: Jumlah ansuran bulanan yang berkenaan.

Nota:

- Jika semua jumlah terhutang dibayar sepenuhnya secara tepat, pemegang kad akan menikmati tempoh bebas caj kewangan selama 20 – 26 hari dari tarikh Penyata Akaun berdasarkan jenis kad. Jika tidak, caj kewangan ke atas transaksi runcit akan dikira daripada tarikh penghantaran transaksi masing-masing.
- Tiada tempoh bebas faedah untuk Pemindahan Baki atau Pendahuluan Tunai.
- Sebagai Pemegang Kad Utama, anda bertanggungjawab ke atas semua transaksi Pemegang Kad Tambahan.
- Yuran dan caj yang mungkin dikenakan dan perlu anda bayar adalah seperti berikut:

Yuran and Caj		Jumlah	
	Jenis Kad	Caj ke atas Kad Syarikat / Utama	Caj ke atas Kad Penama / Tambahan
Yuran Tahunan (Dikecualikan untuk tahun pertama)	Kad Kredit Perniagaan Mastercard Platinum	Syarikat: Percuma Seumur Hidup Utama: RM438	RM188
	Kad Kredit Perniagaan Visa Platinum	RM0	RM0
	Kad Kredit Perniagaan Visa Infinite	RM0	RM100
Caj Faedah ke atas Jumlah Tertunggak	Dikenakan ke atas jumlah tertunggak selepas tarikh tamat pembayaran. Kadar faedah berperingkat dikenakan berdasarkan rekod pembayaran balik pemegang kad 12 bulan yang lalu: - Tahap 1 – 15% setahun atau 8.88% setahun (<i>untuk Kad Kredit Perniagaan Visa Platinum sahaja</i>) jika pembayaran tepat masa dibuat sepanjang 12 bulan yang lalu. - Tahap 2 – 17% setahun jika pembayaran tepat masa dibuat sekurang-kurangnya 10 bulan. - Tahap 3 – 18% setahun jika tidak memenuhi syarat Tahap 1 dan 2.		
Yuran penukaran transaksi luar negara	- Transaksi mata wang asing akan ditukar terlebih dahulu kepada Dolar AS melalui VISA International/Mastercard Worldwide, kemudian ditukar kepada Ringgit Malaysia pada tarikh transaksi mengikut kadar pertukaran semasa. - Ditambah dengan kos pentadbiran sebanyak 1% bagi transaksi luar negara.		
Caj Pendahuluan Tunai	Caj berikut dikenakan apabila menggunakan ciri Pendahuluan Tunai: 5% daripada jumlah pendahuluan tunai atau RM15 (mengikut mana yang lebih tinggi) pada tarikh pendahuluan tunai dibuat. - Caj faedah sebanyak 18% setahun ke atas jumlah pendahuluan tunai, dikira secara harian daripada tarikh transaksi sehingga tarikh pembayaran penuh.		
Penggunaan Plaza Premium Lounge dan Travel Club Lounge	Jika perbelanjaan bulanan yang ditetapkan tidak dipenuhi dan/atau melebihi jumlah kelayakan tahunan: - USD30 bagi setiap kemasukan ke Plaza Premium Lounge - RM131 bagi setiap penggunaan Travel Club Lounge		
Yuran Penggantian Kad	RM50 bagi setiap kad (untuk kad yang hilang atau dicuri)		
Yuran Permintaan Penyata Kertas Tambahan	RM5 bagi setiap penyata		
Cukai Perkhidmatan	- RM25 untuk Kad Utama - RM25 untuk Kad Tambahan		
Duti Setem	Seperti yang ditetapkan di bawah Akta Duti Setem 1949		

- Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Terma dan Syarat Kad Kredit Perniagaan atau layari <https://www.alliancebank.com.my>
- Melainkan yang dinyatakan di sini, yuran kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang (jika ada) yang mungkin dikenakan di bawah undang-undang berkaitan. Setelah tarikh kuat kuasa pelaksanaan cukai tersebut pada masa hadapan dan di mana berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.

3. Ketahui Risiko Anda

- a) Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?
- Penalti pembayaran lewat:
 - Jika Pemegang Kad gagal membayar bayaran minimum bulanan sebelum Tarikh Akhir Pembayaran, caj pembayaran lewat sebanyak satu peratus (1%) daripada Baki Semasa atau RM10, mengikut mana yang lebih tinggi (terhad kepada maksimum RM100 sahaja) akan didebitkan ke akaun Kad Kredit.
 - Jika pembayaran separa, pembayaran minimum atau tiada pembayaran dibuat selepas Tarikh Akhir Pembayaran, caj kewangan yang dinyatakan dalam Klausa 2 akan dikenakan dari hari transaksi dipos ke akaun kad kredit.
 - Bank berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda yang diselenggara bersama kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun pinjaman ini.
 - Liabiliti bagi transaksi tanpa kebenaran:
 - Pemegang Kad tidak bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan nombor pengenalan peribadi ("PIN"), pengesahan tandatangan atau penggunaan Kad Kredit tanpa sentuh, DENGAN SYARAT Pemegang Kad tidak:
 - Bertindak secara menipu;
 - lewat memaklumkan Bank sebaik sahaja munasabah berbuat demikian selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran bagi kad anda;
 - mendedahkan PIN secara sukarela kepada orang lain atau mana-mana pihak ketiga;
 - merekodkan PIN pada kad Pemegang Kad atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan kad;
 - meninggalkan kad atau barangan yang mengandungi kad tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
 - membenarkan orang lain secara sukarela untuk menggunakan kad.
 - Pemegang Kad dijangka berwaspada melindungi kad walaupun di kediaman Pemegang Kad.
 - Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank dengan segera setelah menerima amaran transaksi melalui SMS demi transaksi tanpa kebenaran.
 - Jika anda gagal mematuhi mana-mana terma atau syarat yang ditetapkan oleh Bank untuk penggunaan kad, Bank berhak untuk membatalkan/menamatkan kad.
- b) Dengan hanya membayar bayaran minimum bulanan, jumlah faedah dan tempoh untuk menyelesaikan keseluruhan baki akan meningkat.
- c) Jika anda menggunakan Kad untuk membayar pembiayaan lain, ia mungkin akan mengenakan kos yang lebih tinggi.

4. Terma Utama Lain

- a) Penalti Penyelesaian Awal tidak akan dikenakan sekiranya anda menyelesaikan baki pemindahan baki atau ansuran Fast Cash sebelum tempoh matang. Walau bagaimanapun, sebarang faedah yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.
- b) Jika anda menghadapi masalah pembayaran, hubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- c) Anda perlu memaklumkan Bank segera selepas mendapati kad anda hilang, dicuri atau jika transaksi tanpa kebenaran berlaku.
- d) Ia adalah penting untuk anda memaklumkan Bank tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat menyurat dihantar kepada anda secara tepat
- e) Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- f) *Penafian: Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh Bank adalah bergantung pada penilaian kredit. Penghantaran Helaian Maklumat Produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh Bank untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda.*

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Kad Kredit Perniagaan Alliance Bank anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-3233



Kunjungi kami di:
<https://www.alliancebank.com.my/business/SME/Cards>



E-mel kami di:
bbcc@alliancefg.com



Hubungi pengurus perhubungan perniagaan kami di mana-mana Cawangan / Pusat Perniagaan Perbankan

NOTA MUSTAHAK: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBAYAR BALIK HUTANG KAD KREDIT ANDA DENGAN SEWAJARNYA